

09/11/2000

Persediaan sambut delegasi Apec

BEBERAPA pekerja sibuk menyiapkan papan tanda "Selamat Datang" untuk menyambut delegasi negara anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang akan mengadakan mesyuarat tidak rasmi mereka di Bandar Seri Begawan, mulai esok.

Mesyuarat akan dimulakan dengan perjumpaan peringkat pegawai kanan (SEOM) selama dua hari sebelum diikuti kalangan menteri Apec dan diakhiri pertemuan istirahat ketua-ketua negara forum itu, pada 15 dan 16 November ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah antara 21 ketua negara Apec yang dijadual menghadiri mesyuarat tidak rasmi itu yang dipengerusikan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah.

(END)